

NAMA :

KELAS:

BAHASA MELAYU TAHUN 6**LATIHAN KATA ADJEKTIF DAN KATA PENGUAT**

Arahan : Lengkapkan cerita di bawah dengan jawapan yang betul.

samar-samar	panas	dingin	hitam	sungguh cemas	amat
gelap-gelita	cukup kencang	lebat sekali	sangat	terang	
	sekali	amat sakit	pulih	gembira.	

Bahaya Ribut Petir

Angin malam yang _____ menderu masuk menerusi tingkap yang terbuka. Sarmeela yang sedang berbaring di atas katil bingkis bangun kerana mahu menutup tingkap biliknya. Sewaktu mahu menarik daun tingkap yang terkuak, Sarmeela sempat mendongak ke langit.

Dalam _____ cahaya bulan, kelihatan awan _____ kumulonimbus sedang berarak. Sekali-sekala, panahan kilat menerangi suasana langit malam.

Setelah menutup tingkap, Sarmeela kembali ke katil lalu meneruskan pembacaannya.

Tum...tam... bunyi guruh yang _____ kuat berdentum-dentam. Serentak dengan itu, suasana di dalam bilik Sarmeela menjadi _____.

"Aduhai, bekalan elektrik terputus pula!" Sarmeela merungut sambil teraba-raba dalam kegelapan.

Sarmeela berasa_____. Suasana di dalam biliknya sangat gelap dan _____. Dada Sarmeela berombak kencang kerana dia berasa terlalu takut. Di luar, angin bertiup _____. Hujan pula turun _____.

Sekali-sekala, panahan kilat yang memancarkan cahaya yang _____ kelihatan di langit. Dalam keadaan teraba-raba, Sarmeela mengatur langkahnya. Langkahnya perlahan _____. Dia mahu mencari lampu suluh yang disimpan di dalam almarnya.

Semasa sedang berjalan, Sarmeela tersepak sesuatu yang sangat keras. Sarmeela terjatuh ke lantai. Dia berasa _____. Tiba-tiba, lampu biliknya bernyala semula. Suasana gelap bertukar menjadi terang. Bekalan elektrik telah _____. Sarmeela berasa sungguh _____.